

Penilaian indeks kerentanan sosio-ekonomi terhadap kenaikan paras laut sepanjang pesisir Pantai Timur Semenanjung Malaysia

ABSTRACT

Sejak kebelakangan ini kesan kenaikan paras air laut sering dibincangkan di seluruh dunia khasnya negara-negara maritim, negara yang berada di bawah paras laut dan negara kepulauan. Kenaikan paras air laut ini mengakibatkan kemusnahan kawasan di pesisir pantai terutamanya dari segi sosio-ekonomi. Kenaikan paras air laut juga menyumbang kepada hakisan pantai, banjir dan kemasukan air masin ke kawasan daratan. Ini mengakibatkan penduduk pesisir pantai kehilangan punca pencarian akibat dari kemusnahan ekosistem dan kerosakan harta benda. Salah satu kedah mengukur tahap kerentanan disebabkan oleh kenaikan aras laut ialah dengan menggunakan jangkaan kenaikan paras laut tempatan tahunan dan pelbagai pembolehubah sosio-ekonomi. Tahap kerentanan dapat memberi maklumat untuk perancangan adaptasi bagi kawasan yang dinilai. Oleh itu, objektif kajian ini ialah mengenalpasti tahap indeks kemusnahan dan Penilaian Indeks Kerentanan sosio-ekonomi penduduk pesisir pantai. Kajian di jalankan di empat buah negeri sepanjang pantai timur Semenanjung Malaysia iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor merangkumi 15 daerah pesisir pantai bermula dari Tumpat, Kelantan sehingga ke Kota Tinggi, Johor. Tiga parameter sosio-ekonomi diambil kira iaitu kualiti kehidupan, nilai ekonomi dan infrastruktur. Ketiga-tiga parameter ini dinilai dengan menggunakan indeks kemusnahan sosial dan dipetakan menggunakan perisian ArcGIS 2010. Hasil kajian mendapati Kuantan merupakan daerah yang mempunyai indeks kemusnahan paling tinggi bagi keseluruhan parameter yang diukur. Langka berjaga-jaga dan pencegahan dari kerajaan dan bukan kerajaan perlu diambil kira untuk mengurangkan kerentanan sosio-ekonomi akibat dari kesan kenaikan paras laut.